

# Peranan GBK, pegawai psikologi IPT perlu diperluas

Langkah bantu tangani isu pengangguran daripada golongan B40

Oleh Mohd Azis Ngah, Wan Noor Hayati Wan Alias, Suzalina Halid dan Fahmy Azril Rosli wanti@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Peranan Guru Bimbingan dan Kaunseling (GBK) di sekolah serta pegawai psikologi di Institut Pengajian Tinggi (IPT) wajar diperluaskan kepada kaunseling kerjaya, dalam menangani isu pengangguran graduan khususnya daripada golongan B40 pada peringkat awal.

Penyandang dua jawatan itu dilihat kritikal kerana boleh membantu pelajar dalam membuat pilihan bidang yang sesuai dengan minat dan keupayaan sebelum dan ketika mereka melangkah ke IPT.

Timbalan Presiden Persatuan Kaunseling Kebangsaan Antarabangsa (PERKAMA International), Profesor Dr Mansor Abu Talib, berkata tugas GBK dan pegawai psikologi yang selama ini berperanan membantu pelajar mengurus aspek emosi, isu peribadi, akademik, sosial dan lain-lain, perlu diperluaskan kepada mengenalpasti kebolehan pelajar serta peluang kerjaya selepas tamat pengajian.

Katanya, GBK perlu membimbing pelajar membuat pilihan pengajian selepas SPM dan STPM dengan mengenalpasti minat, kebolehan, aspirasi dan situasi semasa berkaitan dengan pendidikan tinggi, bagi mengelak kesi-

lapan pilihan semasa mengisi borang Unit Pengambilan Universiti (UPU).

"Penawaran sesuatu bidang pengajian ditentukan pihak UPU berdasarkan kriteria tertentu, yang sudah dikenal pasti oleh pengurusan matrikulasi, kolej atau universiti.

"Sekiranya pelajar tidak mendapat bidang yang mereka minati atau cita-citakan, pegawai psikologi atau kaunselor di IPT perlu membantu pelajar berkenaan untuk beradaptasi supaya mereka boleh bertindak secara positif bagi mengikuti bidang pengajian yang bukan pilihan mereka.

"Pihak universiti juga perlu memberi peluang kedua dengan menempatkan mereka ke bidang yang diminati sekiranya pelajar berkenaan gagal beradaptasi dengan bidang bukan pilihan," katanya kepada BH.

Beliau yang juga Profesor Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM), berkata kebanyakan graduan menganggur adalah daripada golongan B40, di mana ibu bapa tidak berupaya membantu mereka membuat pilihan bidang dan kerjaya pada peringkat awal.

"Faktor kurang pengetahuan mengenai bidang-bidang yang tidak pernah mereka dengar tetapi ditawarkan ke universiti menyebabkan kebanyakan pelajar memilih bidang popular tanpa melihat aspek pasaran kerja.


"Sehubungan itu, kita melihat betapa besarnya peranan GBK dan universiti dalam melahirkan graduan yang kompetitif bukan sahaja memenuhi, keperluan industri dan pasaran kerja.

"Universiti memberi fokus kepada graduan sebagai 'pencipta' pekerjaan, sentiasa positif dan proaktif mencipta ruang dan peluang untuk diri sendiri.

"Ia bersesuaian dengan kursus dan bidang pengajian yang

## Graduan, siswazah miskin, B40 sukar dapat kerja setimpal

Terpaksa terima gaji rendah, ceburi pekerjaan bidang lain pengajian



Beliau berkata, ramai graduan IPT yang terpaksa terima gaji rendah kerana mereka terpaksa mencari pekerjaan di luar bidang pengajian mereka. Beliau berkata, ramai graduan IPT yang terpaksa terima gaji rendah kerana mereka terpaksa mencari pekerjaan di luar bidang pengajian mereka.

Keratan BH semalam.

memberi fokus kepada aspek keusahawanan, kemahiran ICT dan inovasi dalam semua bidang di universiti," katanya.

Dalam pada itu itu, beliau mencadangkan kerajaan perlu menyediakan lebih banyak saluran pekerjaan di kawasan luar bandar bagi mengimbangi ekosistem pekerjaan.

Katanya, ketidakseimbangan pekerjaan yang wujud di luar bandar dan bandar juga adalah di antara punca siswazah daripada keluarga B40 sukar mendapat pekerjaan.

"Peluang pekerjaan di bandar menjadi halangan kepada golongan anak-anak keluarga B40 untuk merembutnya kerana masalah latar belakang sosio ekonomi mereka.

"Sebagai contoh bagi memulakan kehidupan di bandar dengan kos sara hidup yang tinggi menyebabkan peluang pekerja-

an di bandar terpaksa dilepaskan.

"Selain itu, ada bakal majikan berpendapat graduan golongan B40 dilihat kurang berani, kurang kepelbagaian dan kurang menyerlah dari aspek personaliti yang diperlukan mereka," katanya.

Beliau berpendapat satu kajian menyeluruh untuk mengenalpasti status dan punca pengangguran dalam kalangan graduan B40 perlu dilaksanakan.

"Menerusi kajian itu, kita berharap dapat mengenalpasti faktor penyebab atau berisiko sama ada tidak kompeten, terlalu memilih pekerjaan atau sememangnya mahu berada di zon selesa atau selainnya.

"Oleh kerana B40 adalah antara komposisi besar seperti juga M40, data statistik hendaklah dilakukan secara jelas dan mengikut kategori," katanya.